


# Malaysia boleh manfaat teknologi solar Jepun

BH - 28/5/2007

## Rakyat diminta guna tenaga alternatif secara lebih menyeluruh

Azmi  
Md Deros  
di Tokyo, Jepun



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Malaysia mencontohi Jepun yang giat membangunkan penggunaan tenaga alternatif, terutama solar yang lebih bersih dan mesra alam.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelaburan awal untuk pembangunan dan penggunaan tenaga solar agak tinggi, bagi jangka masa panjang, sumber tenaga semula jadi itu amat menjimatkan selain sentiasa tersedia untuk digunakan.

Katanya, pihak berkaitan di Malaysia boleh mengambil peluang mendapatkan kerjasama, terutama dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari Jepun yang sudah berjaya menemui kaedah menghasilkan panel solar yang lebih kecil, tetapi mampu menyerap lebih banyak tenaga.

"Kita tidak ada teknologi yang tinggi dan cekap untuk ambil tenaga suria. Jadi lebih baik kita ambil peluang R&D Jepun.

"Manusia kena pandai ambil dan guna (tenaga solar) untuk keperluan kita dan teknologinya perlulah baik supaya dapat diterima ramai," katanya kepada pemberita di sini, sebaik tiba dari Tokyo pada akhir lawatannya ke Jepun, semalam.

Abdullah tiba di sini kira-kira jam 5.30 petang waktu tempatan untuk menghadiri majlis makan malam dengan pelajar Malaysia di bandar raya ini, sebelum pulang ke Kuala Lumpur, malam tadi.



**KENALI LEBIH DEKAT:** Abdullah ceria bergambar ketika menghadiri majlis perjumpaan dan makan malam bersama pelajar Malaysia di Jepun, semalam.

Katanya, sepanjang lawatan lima hari ke negara itu, beliau mendapati penggunaan tenaga solar semakin meluas, termasuk membekalkan tenaga untuk kegunaan lampu isyarat.

Ditanya kemungkinan harga peralatan itu yang tinggi menyebabkan teknologi solar kurang popular Malaysia, Abdullah berkata: "Ia tidak semahal dulu dan orang kelas pertengahan pun sudah ada guna solar, tetapi bukan keseluruhan rumah. Mereka hanya menggunakan solar untuk memanaskan air untuk mandi.

"Penggunaan tenaga alternatif itu perlu kita perluaskan kerana ia mampu menjimatkan belanja," katanya.

Beliau berkata, dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, di Tokyo kelmarin, pemimpin itu turut menyuarakan kebimbangan mengenai kesan pemanasan global yang mengancam seluruh dunia sekarang.

Malah, katanya, Jepun amat komited menyelesaikan isu itu dan menetapkan matlamat menurunkan suhu bumi menjelang 2050.

"Beliau (Abe) menyatakan Jepun

sedia memberi kerjasama kepada negara lain untuk sama-sama memberi perhatian kepada isu pemanasan global.

"Abe juga memaklumkan negaranya sedia mengeluarkan bantuan dan teknologi kepada negara membangun untuk mengatasi pemanasan global," kata Abdullah sambil menambah, Malaysia menyambut baik kesediaan Jepun itu.

Abdullah berkata, Malaysia juga sedia bekerjasama bagi memastikan masalah pemanasan global dapat ditangani bersama.

BERNAMA